

22/05/1998

Kolej Legenda terima 2,000 pelajar baru

KOLEJ Legenda Langkawi menerima sambutan menggalakkan apabila lebih 2,000 pelajar dari seluruh negara dijangka tiba di pulau berkenaan untuk menyertai program usaha samanya dengan Institut Teknologi Mara (ITM), bermula awal bulan depan.

Jurucakap kolej berkenaan ketika ditemui semalam, berkata pihaknya menjangka terus menerima permohonan kerana tempoh akhir pelajar berbuat demikian hanya akan berakhir pada 30 Mei ini.

Menurutnya, kolej yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu akan membuka pendaftaran masuk mulai Selasa depan manakala kuliah dijadualkan bermula 2 Jun ini.

"Kami juga menerima sambutan menggalakkan daripada pelajar di Langkawi yang gagal memasuki ITM selepas permohonan mereka ditolak kerana kebanyakan mereka lemah dalam bahasa Inggeris dan Matematik," katanya.

Kolej Langkawi di Kuah itu menawarkan kursus Pra-Perakaunan dengan jangka masa enam bulan dan dua program peringkat Pra-Perdagangan yang masing-masing mengambil masa setahun dan enam bulan.

Selain itu, ia turut menawarkan kursus untuk Sijil Pengaturcaraan Komputer dengan jangka masa enam bulan atau setahun, Diploma Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengurusan Hotel dan Diploma Sains Komputer.

Pelajar yang mengambil empat kursus peringkat diploma itu perlu menghabiskan pengajian selama tiga tahun.

(END)